

17 MAY 2003

Mahathir-Serangan/I

CARA DUNIA PERANGI KEGANASAN CETUS SERANGAN DI MAGHRIBI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan serangan berani mati terbaru di Maghribi adalah hasil daripada cara dunia memerangi penganas dan keganasan.

"Kita telah kata kalau nak tangani masalah penganas dengan membunuh orang dan melanggar, mencerooboh negara orang, ini akan membawa akibat yang buruk. Sekarang, kita lihatlah apa yang berlaku," katanya.

Perdana Menteri berkata sejak awal lagi beliau telah menyatakan perlunya dihentikan keganasan oleh Israel ke atas penduduk Palestin kerana ia telah menyebabkan ramai umat Islam berasa sakit hati dan ingin membalas dendam.

"Tapi mereka berpendapat bahawa kalau orang kami seorang dibunuh, kami akan bunuh sepuluh. Kalau buat lebih daripada itu, kami akan tawan negara dan jatuhkan kerajaan kononnya mereka boleh mengalahkan penganas," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, di sini hari ini.

"Ia mungkin benar tetapi apa yang saya lihat ialah serangan seperti itu terus berlaku di merata tempat," katanya ketika diminta mengulas serangan di Casablanca yang mengorbankan sekurang-kurang 24 nyawa dan menyebabkan 60 cedera.

Isnin lepas, sekurang-kurangnya 34 orang termasuk lapan rakyat Amerika Syarikat terbunuh dalam pengeboman di kompleks kediaman warga asing di Riyadh, Arab Saudi. Tiga rakyat Malaysia turut cedera dalam kejadian itu.

Ditanya bagaimana Malaysia menghadapi keadaan apabila serangan seperti itu boleh berlaku di mana-mana, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak dapat menjamin sepenuhnya tetapi Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga dan kita tahu negara ini selamat.

"Mereka yang tidak selamat adalah mereka yang menyerang negara lain dan membunuh. Jika mereka menyerang dan membunuh orang, mereka tidak akan selamat walau di mana sahaja," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan turut ditanya mengenai pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan kerajaan berikutan kesan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq serta akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Perang Iraq dah habis tapi masalah ekonomi tidak habis. Kalau habis (pencerobohan ke atas) Iraq, ekonomi kita balik macam asal tidak apalah. Tapi kita tahu kesan (pencerobohan ke atas) Iraq, kesan SARS dan penipuan syarikat besar semua ini mempunyai kesan yang berlarutan (terhadap ekonomi negara)," katanya.

Di PEKAN, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak berkata risiko serangan penganas di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

"Tahap keselamatan negara ini berada di tahap yang memuaskan tetapi tiada sesiapa boleh beri jaminan 100 peratus, tetapi hakikatnya Malaysia mempunyai risiko yang lebih rendah untuk diserang penganas," katanya.

Tiada siapa yang boleh memberi jaminan 100 peratus selamat kerana setiap negara terdedah dengan risiko serangan penganas, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Dewan Perniagaan Bekas Tentera cawangan Pahang.

Beliau juga berkata Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga bagi menangani ancaman kumpulan penganas seperti Jemaah Islamiah, Kumpulan Militer Malaysia dan Al Ma'unah.

-- BERNAMA  
LIB MOZ